

MEMO – HAL EHWAL PELAJAR BIL. 9/ 2021

**KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS SECARA BERPERINGKAT BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Kementerian Pengajian tinggi (KPT) dalam kenyataan rasmi bertarikh 14 September 2021 menetapkan bahawa kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) dilakukan secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021.
- 1.2 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan proses dan pengendalian pelajar untuk kemasukan ke kampus secara **berperingkat** mengikut kategori yang dibenarkan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), KPT dan UKM.
- 1.3 Pemakluman ini ditujukan kepada semua pelajar Prasiswazah dan Siswazah bagi Semester 1 Sesi 2021/2022.

2.0 PROSEDUR OPERASI STANDARD KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS DAN KOLEJ KEDIAMAN

- 2.1 Hanya pelajar yang telah lengkap menerima vaksin sahaja dibenarkan kembali ke kampus dan kolej kediaman seperti berikut:
 - 2.1.1 Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (PfizerBioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm), pelajar berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
 - 2.1.2 Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino), pelajar berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.
- 2.2 Pelajar digalakkan menjalani Ujian RTK Antigen Saliva Self-Test Kit sebelum melakukan pergerakan kembali ke kampus.
- 2.3 Pelajar WAJIB mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) sebelum mendaftar masuk ke kampus dan kolej kediaman.
- 2.4 Semua pelajar diminta menjalani prosedur berikut sebelum hadir ke kampus atau mana-mana premis/fakulti di dalam kampus:



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

- 2.4.1 membuat saringan kesihatan (bagi yang mendaftar di kolej kediaman);
- 2.4.2 pemeriksaan suhu badan;
- 2.4.3 membawa surat kebenaran kembali ke kampus yang dicetak daripada Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>;
- 2.4.4 memaparkan sijil digital lengkap vaksinasi; dan
- 2.4.5 mengimbas MySejahtera.

3.0 KEMASUKAN PELAJAR BERKEPERLUAN KE KOLEJ KEDIAMAN SECARA BERPERINGKAT

3.1 Kemasukan pelajar berkeperluan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- 3.1.1 Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP):
 - a) PdP secara hibrid di kampus;
 - b) Keperluan makmal bagi tujuan penyelidikan;
 - c) Latihan Industri di sekitar kampus;
 - d) Menjalani peperiksaan professional/ antarabangsa; atau
 - e) Kerja-kerja amali, klinikal, studio, bengkel dan peralatan khas.
- 3.1.2 Keperluan persekitaran pembelajaran:
 - a) Masalah capaian internet di rumah;
 - b) Persekitaran tidak kondusif;
 - c) Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); atau
 - d) Lain-lain isu yang boleh menjejaskan pembelajaran.

3.2 Pelajar tidak bekeperluan dan memilih untuk tidak kembali ke kampus dan kekal di lokaliti masing-masing WAJIB mengemaskini alamat lokaliti semasa menerusi Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>.

3.3 Berikut adalah jadual pergerakan pelajar mengikut kategori secara berperingkat:

Bil.	Kategori Pelajar	Minggu Pergerakan (Tarikh)	Minggu Perkuliahan di kampus
1.	Pelajar memerlukan persekitaran kondusif (Rujuk perkara 3.1.2)	Minggu 1/ 3/ 5/ 8 (pilihan)	-
2.	Pelajar Tahun 4/ Tahun 5 (Rujuk perkara 3.1.1)	Minggu 1 (15-17 Okt 2021)	Minggu 2
3.	Pelajar Tahun 3 (Rujuk perkara 3.1.1)	Minggu 3 (30-31 Okt 2021)	Minggu 4
4.	Pelajar Tahun 2 (Rujuk perkara 3.1.1)	Minggu 5 (13-14 Nov 2021)	Minggu 6
5.	Pelajar Tahun 1 (Rujuk perkara 3.1.1)	Akhir Cuti Pertengahan Semester (4-5 Dis 2021)	Minggu 8
6.	Siswazah (Rujuk perkara 3.1.1 dan 3.1.2)	Minggu 1/ 3/ 5/ 8 (pilihan)	-

*Perubahan waktu pergerakan tertakluk kepada arahan rasmi dari fakulti/ institute/ pusat pengajian terlibat.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

4.0 PANDUAN AWAL PELAJAR

4.1 Pelajar Baharu

- 4.1.1 Program Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) Sesi 2021/2022 akan diadakan secara dalam talian sepenuhnya bermula **3 hingga 6 Oktober 2021** melibatkan pelajar prasiswazah.
- 4.1.2 Program Hari Informasi Siswazah Baharu akan diadakan secara dalam talian berdasarkan ketetapan oleh Pusat Siswazah UKM.
- 4.1.3 Kemasukan pelajar baharu ke kampus adalah tertakluk kepada keperluan PdP Program Pengajian yang akan dilaksanakan secara hibrid atau keperluan ruang pembelajaran yang kondusif di kampus.
- 4.1.4 Fakulti/Institut/Pusat Pengajian akan mengumumkan pemakluman pelaksanaan PdP kepada pelajar baharu **sebelum atau pada 27 September 2021**.
- 4.1.5 **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMPWEB) atau Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) mulai **4 Oktober 2021**.
- 4.1.6 Semua pelajar baharu **WAJIB** mengemaskini pilihan sama ada akan mendaftar secara fizikal di kolej kediaman/ luar kampus atau kekal di lokaliti masing-masing menerusi Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) mulai **4 Oktober 2021**.

4.2 Pelajar Sedia Ada (Senior)

- 4.2.1 Kemasukan pelajar sedia ada ke kampus adalah tertakluk kepada keperluan PdP Program Pengajian yang akan dilaksanakan secara hibrid atau keperluan ruang pembelajaran yang kondusif di kampus.
- 4.2.2 Fakulti/Institut/Pusat Pengajian akan mengumumkan pemakluman pelaksanaan PdP kepada pelajar baharu **sebelum atau pada 27 September 2021**.
- 4.2.3 **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMPWEB) atau Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) mulai **4 Oktober 2021**.
- 4.2.4 Semua pelajar sedia ada **WAJIB** mengemaskini pilihan sama ada akan mendaftar secara fizikal di kolej kediaman/ luar kampus atau kekal di lokaliti masing-masing menerusi Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) mulai **4 Oktober 2021**.

5.0 PROSES KEMASUKAN PELAJAR DI DALAM DAN LUAR KAMPUS

5.1 Pergerakan pelajar ke kampus dan ditawarkan ke kolej kediaman

- 5.1.1 Langkah 1: Log masuk Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>.
- 5.1.2 Langkah 2: Pelajar membuat semakan keperluan PdP secara hibrid/ dalam talian bagi Semester 1 Sesi Pengajian 2021/2022 seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Institut/ Pusat Pengajian.
- 5.1.3 Langkah 3: **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi.
- 5.1.4 Langkah 4: Pelajar membuat permohonan kembali ke kampus dengan memilih kategori dan minggu pergerakan pelajar.
- 5.1.5 Langkah 5: Pelajar melengkapkan perakuan diri serta menetapkan tarikh kembali ke kampus.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

- 5.1.6 Langkah 6: Pelajar muat turun, cetak dan bawa Surat Kebenaran Pulang ke Kampus, Surat Merentas Negeri dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) semasa tiba di kampus dan kolej kediaman.

5.2 Pergerakan pelajar ke kampus yang tidak ditawarkan ke kolej kediaman (Rayuan)

- 5.2.1 Langkah 1: Log masuk Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>.
- 5.2.2 Langkah 2: Pelajar membuat semakan keperluan PdP secara hibrid/ dalam talian bagi Semester 1 Sesi Pengajian 2021/2022 seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Institut/ Pusat Pengajian.
- 5.2.3 Langkah 3: **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi.
- 5.2.4 Langkah 4: Pelajar membuat permohonan kembali ke kampus dengan memilih kategori dan minggu pergerakan pelajar.
- 5.2.5 Langkah 5: Pelajar membuat permohonan untuk Rayuan Kolej Kediaman menerusi Sistem e-Kolej <https://appsmu.ukm.my/kolej/>.
- 5.2.6 Langkah 6: Jika rayuan penginapan di kolej kediaman berjaya, pelajar melengkapkan perakuan diri serta menetapkan tarikh kembali ke kampus.
- 5.2.7 Langkah 7: Pelajar muat turun, cetak dan bawa Surat Kebenaran Pulang ke Kampus, Surat Merentas Negeri dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) semasa tiba di kampus dan kolej kediaman.

5.3 Pergerakan pelajar yang menginap di luar kampus

- 5.3.1 Langkah 1: Log masuk Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>.
- 5.3.2 Langkah 2: Pelajar membuat semakan keperluan PdP secara hibrid/ dalam talian bagi Semester 1 Sesi Pengajian 2021/2022 seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Institut/ Pusat Pengajian.
- 5.3.3 Langkah 3: **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi.
- 5.3.4 Langkah 4: Pelajar membuat permohonan kembali ke kampus dengan memilih kategori dan minggu pergerakan pelajar.
- 5.3.5 Langkah 5: Pelajar mengemaskini alamat penginapan di luar kampus, melengkapkan perakuan diri dan menetapkan tarikh pergerakan.
- 5.3.6 Langkah 6: Pelajar muat turun, cetak dan bawa Surat Kebenaran Pulang ke Kampus, Surat Merentas Negeri dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) semasa tiba di kampus.

5.4 Pergerakan pelajar berkeperluan ke kampus tetapi tidak memenuhi syarat vaksinasi seperti yang ditetapkan (tidak mendaftar vaksin dan tidak vaksin kerana masalah kesihatan)

- 5.4.1 Langkah 1: Log masuk Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://appsmu.ukm.my/2campus/>.
- 5.4.2 Langkah 2: Pelajar membuat semakan keperluan PdP secara hibrid/ dalam talian bagi Semester 1 Sesi Pengajian 2021/2022 seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Institut/ Pusat Pengajian.
- 5.4.3 Langkah 3: **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi.
- 5.4.4 Langkah 4: Pelajar membuat permohonan kembali ke kampus dengan memilih kategori dan minggu pergerakan pelajar.
- 5.4.5 Langkah 5: Pelajar memohon kebenaran daripada Pusat Kesihatan Universiti (PKU) & Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) untuk proses kembali ke kampus seterusnya.

5.5 Pelajar tidak berkeperluan dan memilih untuk kekal di lokaliti masing-masing



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

- 5.5.1 Langkah 1: **Semua Pelajar WAJIB** mengemaskini status vaksinasi.
- 5.5.2 Langkah 2: Pelajar membuat semakan keperluan PdP secara hibrid/ dalam talian bagi Semester 1 Sesi Pengajian 2021/2022 seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Institut/ Pusat Pengajian.
- 5.5.3 Langkah 3: Pelajar mengemaskini pilihan status dan alamat lokaliti pelajar menerusi Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://apps.mu.ukm.my/2campus/>.

6.0 PERGERAKAN PELAJAR ANTARABANGSA KE KAMPUS

- 6.1 Pergerakan pelajar antarabangsa (baharu dan sedia ada) ke kampus adalah DIBENARKAN merujuk kepada Prosedur Kemasukan Pelajar Antarabangsa yang dikeluarkan oleh KPT bertarikh 15 September 2021 seperti di lampiran.
- 6.2 Di samping itu, pelajar antarabangsa yang akan melakukan pergerakan ke kampus DIWAJIBKAN membuat permohonan di dalam Sistem Permohonan Kembali ke Kampus (UKM2Campus) <https://apps.mu.ukm.my/2campus/>.

Setiap pelajar dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Kerjasama para pelajar untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan adalah amat dihargai. Sebarang perubahan pemakluman adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh MKN/ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/ KPT/ UKM. SOP pelajar di kampus dan kolej kediaman akan dimaklumkan sebelum 15 Oktober 2021.

Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)
25 September 2021

*Memo ini telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada JKTK UKM.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm